

**TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU
SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN DI
DAERAH KULIM BANDAR BAHARU,
KEDAH DARUL AMAN**

MOKHTAR BIN AHMAD



**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

1998



106727

106727

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji aras tekanan kerja, faktor-faktor utama tekanan kerja, perbezaan di dalam aras tekanan kerja dan perbezaan di dalam faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja berdasarkan ciri demografi guru. Seramai 285 orang guru dari sekolah menengah kategori bandar di daerah Kulim Bandar Baharu mengambil bahagian di dalam kajian ini. Instrumen kajian diubahsuai dan diadaptasi daripada instrumen *Teacher Stress Inventory* oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995) untuk memenuhi objektif dan situasi kajian ini. Soal selidik terdiri dari dua bahagian iaitu Bahagian A tentang ciri demografi dan Bahagian B mengenai faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru. Kaedah deskriptif min, frekuensi dan peratus, Regresi Berganda, Ujian t tidak bersandar dan Analisis Varians Satu Hala digunakan untuk menjawab objektif dan hipotesis kajian. Paras keertian kajian ditetapkan pada $\alpha = 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru (66%) mengalami aras tekanan kerja sederhana, 17.5% guru mengalami aras tekanan kerja tinggi dan 16.5% mengalami aras tekanan kerja rendah. Regresi berganda menunjukkan kelima-lima faktor yang dikaji iaitu salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, perhubungan antara personal dan penghargaan sama-sama penting di dalam menyumbang kepada tekanan kerja guru. Perbezaan di dalam aras tekanan kerja wujud berdasarkan umur dan pengalaman mengajar responden, tetapi tiada perbezaan aras tekanan kerja yang signifikan wujud berdasarkan gred sekolah, jantina, kategori perkhidmatan, taraf perkahwinan, kelulusan iktisas, kelulusan akademik, pendapatan dan bidang mata pelajaran utama guru. Wujud perbezaan di dalam faktor salah laku pelajar, di antara jantina, umur, pengalaman mengajar dan kelulusan iktisas guru. Perbezaan wujud bagi faktor beban tugas berdasarkan umur responden. Bagi faktor kekangan masa dan sumber, perbezaan yang signifikan wujud berdasarkan kategori perkhidmatan, umur dan pengalaman mengajar guru. Perbezaan yang bererti juga wujud di dalam faktor perhubungan antara personal di antara gred sekolah.

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, imej atau martabat profesion guru telah diserang dengan hebatnya oleh media massa. Kedudukan profesion perguruan sudah banyak luntur kerana dihakis dengan gambaran-gambaran buruk tentang tingkah laku segelintir kaum guru yang tidak berdisiplin (Omar Mohd Hashim, 1993).

Isu guru-guru yang menghadapi kes mental telah menjadi isu yang besar di dalam masyarakat. Isu ini diperbesarkan oleh pihak akhbar dan berpunca daripada keluarga profesion perguruan sendiri yang mendakwa tiap-tiap sekolah di negara ini mempunyai guru sakit jiwa kerana beban tugas dan tanggungjawab (Omar Mohd Hashim, 1993).

Fenomena ini sedikit sebanyak berpunca daripada tekanan kerja guru. Tekanan kerja guru bagai sudah sebatikan dengan profesion itu sendiri. Kesannya secara langsung akan merugikan sistem pendidikan negara. Isu mengenai tekanan kerja mendapat perhatian di kalangan pengkaji-pengkaji di pelbagai negara. Di antaranya, Cooper dan Kelly (1993), Kyriacou dan Sutcliffe (1978a), Kyriacou dan Sutcliffe (1978b) di

United Kingdom, Kelly dan Berthelsen (1995), Laughlin (1984), Pithers dan Forगत (1995) di Australia, Manthei dan Solman (1988) di New Zealand, Smilansky (1984) di Israel, serta Chan dan Hui (1995) di Hong Kong. Di Malaysia antara pengkaji-pengkaji di dalam bidang tekanan kerja guru ialah, K.A. Tan (1996), Mohd Hasidin Zaini (1995), Noor Azzuddin Abdul Aziz (1990), Noriah Mohd Ishak (1995), dan Siti Rohani Mohd Sharif (1991).

Isu tekanan kerja di kalangan guru kian mendapat perhatian orang ramai di dalam dan di luar organisasi pendidikan. Keluhan yang sering kedengaran ialah guru dibebani kerja yang bukan di dalam ruang tugasnya. Reformasi di dalam pendidikan seperti KBSR dan KBSM turut menyumbang kepada tekanan kerja. Noor Azzuddin Abdul Aziz (1990) mendapati bahawa guru-guru KBSM yang mengalami tekanan kerja yang tinggi lebih cenderung untuk berhenti kerja. Berita Harian (9 Jun 1997), memetik Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof Datuk Ishak Tambi Kechik sebagai berkata, guru juga kini harus berhadapan dengan masalah sosial, anak muda yang terbiar dan masalah disiplin yang menakutkan dan disusuli pula oleh tekanan kerja yang kuat.

Implikasi pelaksanaan sekolah satu sesi juga bakal mengundang tekanan kepada guru. Rahim A.R. (1997), menyatakan pelaksanaannya akan membebankan tugas dan tanggungjawab guru kerana masa perkhidmatan mereka di sekolah akan bertambah kira-kira dua setengah jam lagi setiap hari. Cara dan pendekatan bekerja serta beban kerja guru di sekolah semakin bertambah dengan wujudnya model sekolah berkesan

seperti Sekolah Cemerlang dan Sekolah Contoh. Keadaan ini, menurut beliau akan menimbulkan ketidakpuasan bekerja di dalam keadaan sekolah yang tidak selesa dan seterusnya menimbulkan banyak tekanan kerja kepada guru. Seseorang guru memerlukan lebih banyak masa untuk membuat persediaan, memeriksa buku dan menilai kerja bertulis pelajar, membimbing dan memberi bantuan personal kepada murid.

Pengkaji-pengkaji lepas rata-ratanya menyatakan di antara penyebab utama kepada tekanan kerja guru ialah salah laku pelajar, tekanan masa, suasana kerja dan perhubungan antara staf (Boyle, Borg, Falzon & Baglioni, 1995; Hart, Wearing & Conn, 1995; Kelly & Berthelsen, 1995, dan Kyriacou & Sutcliffe, 1978b). Perkara dan keadaan seperti ini sememangnya wujud di Malaysia. Maka tidak hairanlah media sering memuatkan perlakuan atau tindakan guru yang tidak beretika yang mungkin berpunca daripada tekanan, rungutan dari guru tentang ketidakpuasan dari segi penilaian dan gaji, guru meninggalkan profesion perguruan, ketidakpuasan mengenai perubahan kurikulum dan seumpamanya. Keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan tekanan kepada guru.

Guru mempunyai perhubungan profesional dengan beberapa kumpulan, yang akan mempengaruhi peranannya sebagai guru. Di bilik darjah, guru mempunyai hubungan langsung dengan murid-muridnya sendiri. Di luar kelas, tetapi masih di dalam kawasan sekolah, terdapat pula kumpulan lain yang terdiri dari pentadbir, rakan sejawat, staf sokongan, dan waris yang berhubung dengan guru. Guru juga